

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]

TARIKH : 7 APRIL 2015 (SELASA)

DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah ahli Majlis Penasihat Harga memainkan peranan bagi mengelakkan berlakunya eksploitasi harga barangan dan perkhidmatan dalam pasaran terutamanya ketika isu kuasa pasaran sedang hangat diperkatakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Di bawah peruntukan Bahagian VII Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 telah memberikan kuasa kepada YB Menteri untuk menubuhkan Majlis Penasihat Harga (MPH). MPH telah diberi tanggungjawab bagi memberi nasihat kepada kerajaan melalui Menteri

Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan tentang isu yang berhubungan dengan pencatutan dan perkara lain yang berkaitan dengan harga barangan dan caj perkhidmatan. Selain itu ahli MPH juga dipertanggungjawabkan menyediakan kertas kerja atau cadangan kajian mengenai sesuatu isu berkaitan kawalan harga dan pencatutan dengan dibantu oleh urusetia bagi mendapatkan pertimbangan Majlis sebelum dibawa ke perhatian Menteri/Kementerian sekiranya perlu.

Untuk makluman yang Dipertua, ahli MPH boleh menyuarakan pendapat dalam bidang undang-undang dan penguatkuasaan, persaingan, mekanisma kawalan dan pemantauan harga barang dan caj perkhidmatan, dan kepenggunaan serta isu-isu semasa yang bersesuaian. Selain itu ahli Majlis perlu menilai keberkesanan, mengenalpasti dan memperbaiki kelemahan mekanisma yang telah disediakan sebelum melaporkan keberkesanan mekanisma kawalan harga dan antipencatutan secara berkala kepada YB. Menteri.

Hasil daripada perbincangan ahli Majlis Penasihat Harga yang juga turut dihadiri oleh wakil Jabatan Kastam Diraja Malaysia, sebuah rundingan telah dibuat bersama kumpulan penasihat (*consultative group*) bagi meneliti draf kaedah dibawah AKHAP 2011 yang telah disediakan. AKHAP 2011 sehingga kini masih digunakan sebagai rujukan oleh pihak kerajaan berkenaan dengan isu eksploitasi harga barangan dan perkhidmatan terutama semasa pelaksanaan GST.

NO. SOALAN: 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 7 APRIL 2015

RUJUKAN : 7622

SOALAN:

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jenayah indeks dan jenayah bukan indeks di setiap daerah polis dalam negeri Pulau Pinang serta perbezaannya bagi setiap jenis jenayah bagi tempoh 6 bulan yang terkini (September 2014 sehingga Februari 2015) dan 6 bulan sebelum ini (Mac 2014 sehingga Ogos 2014).

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB, jenayah indeks di setiap daerah dalam negeri Pulau Pinang bagi tempoh 6 bulan yang terkini (September 2014 sehingga Februari 2015) dan 6 bulan sebelum ini (Mac 2014 sehingga Ogos 2014) adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	MAC 2014 HINGGA OGOS 2014	SEPT 2014 HINGGA FEB 2015	+/-	%
1.	Seberang Perai Tengah	1,423	1,383	-40	-2.8
2.	Seberang Perai Utara	680	528	-152	-22.4
3.	Timur Laut	1,158	868	-290	-25.0
4.	Seberang Perai Selatan	298	287	-11	-3.7
5.	Barat Daya	434	353	-81	-18.7
Jumlah Keseluruhan		3,993	3,419	-574	-14.4

Jenayah bukan indeks pula adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	MAC 2014 HINGGA OGOS 2014	SEPT 2014 HINGGA FEB 2015	+/-	%
1.	Seberang Perai Tengah	2,075	1,905	-170	-8.2
2.	Seberang Perai Utara	1,049	840	-209	-19.9
3.	Timur Laut	1,784	1,575	-209	-11.7
4.	Seberang Perai Selatan	654	582	-72	-11.0
5.	Barat Daya	692	568	-124	-17.9
JUMLAH KESELURUHAN		6,254	5,470	-784	-12.5